



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)

PELAKSANAAN PROJEK MENAIKTARAF PAM DAN KOLAM TAKUNGAN BANJIR S18, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG

PULAU PINANG, 14 Jun 2026 – Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) kekal komited dalam menjamin kesejahteraan rakyat melalui pelaksanaan infrastruktur tebatan banjir yang efektif di Negeri Pulau Pinang. Yang Berhormat Dato' Sri Abdul Rahman bin Haji Mohamad, Timbalan Menteri PETRA telah mengadakan lawatan kerja untuk meninjau kemajuan **Projek Menaiktaraf Pam dan Kolam Takungan Banjir S18**, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.

Projek yang melibatkan kos sebanyak **RM6.3 juta** ini merupakan antara usaha tumpuan Kerajaan dalam menangani isu banjir kilat di kawasan George Town. Projek yang dijangka siap sepenuhnya pada **19 Jun 2026** ini melibatkan kerja-kerja menaiktaraf tiga (3) unit pam, struktur kolam, sistem mekanikal dan bekalan elektrik, serta kerja-kerja pengorekan enapan bagi meningkatkan kapasiti kolam.

Peningkatan kapasiti Kolam Takungan Banjir S18 yang dibina pada tahun 2007 ini merupakan langkah mendesak bagi menampung sistem saluran bandar raya, memandangkan struktur kolam, rumah pam, dan aset sedia ada sudah berusia.

Selain itu, faktor peralihan monsun dan taburan hujan lebat yang melebihi kapasiti perparitan sedia ada sering kali mencetuskan banjir kilat di kawasan ini. Penyiapan projek ini dijangka akan memberi manfaat kepada lebih **39,550** orang penduduk sekitar, sekali gus mengurangkan risiko banjir kilat dan melindungi harta benda di bandar George Town.

PETRA akan terus memperkukuh pelaksanaan projek-projek mitigasi bencana air di seluruh negara selaras dengan usaha Kerajaan untuk meningkatkan daya tahan negara terhadap impak perubahan iklim serta memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa menjadi keutamaan.

Usaha ini juga selaras dengan aspirasi **Malaysia MADANI** yang menekankan aspek kemampunan, kesejahteraan dan keselamatan rakyat melalui pembangunan infrastuktur yang berdaya tahan dan inklusif.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR
14 Jun 2026

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)
Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: ukk@petra.gov.my



**MALAYSIA
MADANI**

PETRA

PETRAMALAYSIA



Visit
Malaysia
2026
Truly Asia